

# Bangun lima robot bantu proses nyah kuman

Produk inovasi sedang dalam proses pembangunan

Oleh Mohd Khairul Anam Md Khairudin  
khairul.anam@bh.com.my

**Serdang:** Sekumpulan pakar robotik dari Makmal Robotik, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) membangunkan lima robot untuk proses nyah kuman daripada risiko COVID-19.

Ketua projek itu, Prof Madya Dr Wan Zuha Wan Hasan dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Fakulti Kejuruteraan UPM berkata, dalam keadaan pandemik COVID-19, robot itu amat diperlukan untuk kegunaan pelbagai unit Pasukan Tindakan Kecemasan bagi mengelak jangkitan kepada petugas barisan hadapan.

Beliau berkata, untuk fasa kedua, pihak mereka juga boleh menawarkan perkhidmatan nyah kuman, *food serve* dan *thermal imager* oleh robot UPM kepada hospital awam berdekatan sekiranya terdapat permintaan dan dana daripada

pihak luar yang berminat.

“Untuk operasi fasa pertama, lima buah robot yang siap ini akan digunakan di kawasan kampus seperti bilik dan dewan kuliah, dewan, kolej penginapan, pejabat, Hospital Pengajaran UPM dan kawasan berisiko yang menjadi tumpuan.

“Kami hadapi kekangan bajet untuk projek pembangunan robot ini. Sekiranya ada pihak luar yang berminat untuk bantu kami menaik taraf projek penyelidikan robot ini ke peringkat yang komprehensif, saya amat mengalu-alukan,” katanya kepada *BH Varsiti*.

Kumpulan terbabit terdiri daripada Prof Madya Dr Suhaidi Shafie, Prof Madya Dr Norhafiz Azis, Dr Mohd Nazim Mohtar, Muhammad Farhan Mustafa, Muhammad Hazman Shahul Hameed, Alireza Ahmadi dan Hassan Messar Qassim Alaswad.

Dr Wan Zuha menjelaskan, pihaknya turut mendapat bekalan dan perkhidmatan pembinaan robot hasil kolaborasi dengan Ketua Innovatech Solution Enterprise, Mohd Hasimi Mohd Sidek iaitu sebuah syarikat alumni UPM.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof Ir Dr Nor Kamariah Nordin, berkata robot terbabit juga diubah suai dari-



Robot penyembur pembasmi kuman.

pada robot sedia ada yang telah digunakan dalam satu pertandingan robot antara universiti (UROCK2019) yang diadakan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada September tahun lalu.

“Pengubahsuaian ini memabitkan penambahan sistem nyah kuman yang perlu dipasang kepada robot berkenaan.

“Dalam keadaan PKP (perintah kawalan pergerakan), saya difahamkan kumpulan berkenaan sukar memperoleh peralatan membina robot, bagaimanapun, mereka akan cuba mereka bentuk sistem nyah kuman dengan peralatan sedia ada di makmal dan pembelian peralatan penting dari Lazada atau Shopee,” katanya.



Dr Wan Zuha sedang melakukan modifikasi robot di laman Fakulti Kejuruteraan UPM.